

Headline	Abd. Latif kekal Pengerusi APAFRI		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	10	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	152 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,004
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,013



Abd. Latif kekal Pengerusi APAFRI

KUALA LUMPUR 29 Nov. - Persatuan Institut Penyelidikan Hutan Asia Pasifik (APAFRI) sebulat suara bersetuju melantik semula Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod sebagai Pengerusi Jawatankuasa Eksekutifnya.

Lantikan bagi penggal 2018 sehingga 2021 itu diumumkan APAFRI pada mesyuarat agung kelapan yang telah dilangsungkan

di Putrajaya, hari ini.

FRIM dalam satu kenyataan memberitahu, Abd. Latif pertama kali dilantik sebagai Pengerusi APAFRI dalam mesyuarat agung kelima badan berkenaan di Kuala Lumpur pada tahun 2009 dan sekali lagi di Guangzhou, China (2012).

Katanya, Abd. Latif merupakan orang pertama yang dilantik menggalas jawatan tersebut untuk tiga kali berturut-turut.

Bercakap dalam mesyuarat agung berkenaan, Abd. Latif telah mengesahkan komitmen FRIM untuk terus menjadi tuan rumah kepada sekretariat.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Produk Hutan FRIM, Dr. Gan Kee Seng yang telah berkhidmat bersama sekretariat APAFRI sejak tahun 2015 dikekalkan menjadi Setiausaha Eksekutif APAFRI untuk mengawasi operasi sekretariat.



ABD. LATIF MOHMOD